



GEREJA KRISTUS LIKAS

Mengenal dan Memperkenalkan Kristus

Bisyop: Bisyop Datuk Melter Jiki Tais

Rektor: Archdekan Moses Chin



Hubung

P.O. Box 18510, Pejabat Pos Besar Kota Kinabalu,
88670 Kota Kinabalu, Sabah

Pejabat: 088-426312, 213220 | Mudah alih: 019-6611558

<http://christchurchlikas.org/> | cclikas@gmail.com

Puasa 4 - 10 Mac 2024

Doa Hari Ini

Allah Mahakuasa, Anak-Mu dinyatakan dalam keagungan sebelum menanggung sengsara maut di atas kayu salib: berilah kami iman untuk melihat kemuliaan-Nya, supaya dikuatkan menanggung sengsara bersama Dia dan diubah mirip seperti Dia, daripada kemuliaan ke kemuliaan; yang hidup dan memerintah dengan Engkau dan Roh Kudus, satu Allah, sekarang dan selamanya. Amin



“di mana hartamu berada, di
situ juga hatimu berada”

- Matius 6:21

Kebaktian BM disiarkan **secara langsung, 11:30 pagi.:**

- YouTube: [https://www.youtube.com/
@christchurchlikasstreams](https://www.youtube.com/@christchurchlikasstreams)

Selamat datang ke dalam perkumpulan umat Tuhan.
Kita bersama-sama beribadah kepada Tuhan Yesus yang telah bangkit
dan mendorong satu sama lain untuk mentaati-Nya.

1. MUSIM PUASA

Kita sedang menghampiri ke penghujung musim Puasa.
Namun, kita harus terus beringat-ingat, merenungkan,
bertaubat, dan diperbaharui.

- 'Doa Harian Musim Puasa' - Isnin-Jumaat, jam 12:00 tengah hari. Ia dijalankan di gereja, dan dalam talian (hibrid); dalam BC, BI & BM (bilik doa berasingan).
Zoom Meeting ID: [846 5515 2727](https://us02web.zoom.us/j/84655152727)
Passcode: 0224
- Libatkan diri dalam aktiviti yang akan membawa kita lebih dekat kepada Tuhan - membaca Alkitab, dengar renungan, muzik dan lagu Kristian, atau baca buku Kristian. Lawati orang sakit, memerlukan dan kesepian.
- Tanggalkan tabiat buruk atau ketagihan tertentu; dan untuk membangunkan gaya hidup sihat.
- Gotong-royong. Buang yang bersepeh dan kemaskan yang berantakan di rumah atau pejabat kita. Dan yang paling penting, di dalam hidup kita!!



2. PUJI TUHAN & TERIMA-KASIH

- Puji Tuhan untuk konferensi penyembahan kanak-kanak yang berlangsung dengan jayanya. Secara keseluruhan, kanak-kanak sangat seronok. Jutaan terima kasih kepada ibu bapa, guru, pembantu dan semua yang lain, yang telah menyumbang sesuatu - dalam bentuk wang tunai, barang, masa, dan usaha.
- Terima kasih kepada yang datang bergotong-royong pada Ahad lepas. Semuanya bekerja keras. Sungguh, suatu pembersihan besar-besaran yang amat dihargai.


3. PEMIMPIN-PEMIMPIN SEL DEWASA

Hari ini, 10 Mac - pertemuan dengan Rektor & Pastor Margaret:

- 12:00 ptg - para pemimpin sel BI, serta pembantu sel.
- 1:00 ptg - para pemimpin sel BC, serta pembantu sel.

4. KHUTBAH MUSIM PUASA - 'TANGGALKANLAH'

- 25 Feb, Puasa 2: 'Tanggalkanlah Kemarahan' - Matius 5:17-27
- 3 Mac - Puasa 3: 'Tanggalkanlah Dendam' - Mat 5:38-48



- 10 Mac - Puasa 4, hari ini: 'Tanggalkanlah Ketamakan' - Mat 6:1-4,19-24
- 17 Mac - Puasa 5: 'Tanggalkanlah Kekhuatiran' - Mat 6:25-34.

5. KELAS PEMBAPTISAN & PENETAPAN

Sila mendaftar sekarang. Calon mestilah berumur 13 tahun dan ke atas. Kami akan mengaturkan kelas yang sesuai mengikut jadual, bahasa dan kategori umur anda.

6. MESYUARAT AGUNG TAHUNAN

Dimaklumkan bahawa, Mesyuarat Agung Tahunan kita yang ke-54, akan diadakan pada **30 Mac, Sabtu Kudus, pada pukul 2:00 petang**. Sila ambil perhatian:

- sila semak daftar pemilih, dan kemas kini, jika perlu;
- sila serahkan resolusi anda, jika ada, kepada Setiausaha Kehormat selewat-lewatnya pada Sabtu, 16 Mac.
- pemimpin pelayanan, sila serahkan laporan anda hari ini, 10 Mac. Semua laporan, dan akaun, akan tersedia 24 Mac.
- berdoa untuk masa berkualiti bersama keluarga CCL.

7. KEBAKTIAN-KEBAKTIAN MINGGU KUDUS

- 24 Mac, Minggu Palma - Kebaktian seperti biasa; pengedaran daun salib palma
- 28 Mac, Khamis Suci, 7:30 mlm - Mencuci Kaki & Perjamuan Kudus
 - BC & BI - Dewan Omega
 - BM - gereja
- 29 Mac, Jumaat Agung
 - 6:00 pg - Kebaktian Kesukuran di tanah perkuburan Anglikan
 - 12:00 tgh hri-3:00 ptg - 3-jam Renungan: 'Watak-watak Salib'
 - * 12:00 tgh hri-1:00 ptg - Bhs. Cina
 - * 1:00 ptg-2:00 ptg - Bhs. Inggeris
 - * 2:00 ptg-3:00 ptg - BM
- 30 Mac, Sabtu Suci, 2:00 ptg - Mesyuarat Agung Tahunan
- 31 Mac, Hari Paskah - Kebaktian pada ketetapan biasa; disusuli dengan jamuan makan.

8. INFORMASI BERITA DIOSIS

- 10-12 April - Konferensi Doa BM, Gereja St. Patrick, Tawau. Tema: Impak Penerobosan. Pendaftaran kita telah mencecah 40 orang. Pendaftaran masih dibuka.
- 30 April-2 Mei - Konferensi Belia BC & BI, Katedral All Saints, KK. Dibuka untuk pendaftaran.

**UNTUK PEMBERIAN DALAM TALIAN
RHB Bank | 2-10103-0001913-1
Christ Church Likas**

Boost: <https://myboost.app.link/FPvG94VIT4>



MENANGGALKAN KETAMAKAN

* Matius 6:1-4 & 19-24

1. Mengumpulkan Harta Dunia

- Kehilangan Harta - Mat 6:19
- Bersifat sementara
- Kehilangan hidup - Mat 6:23

2. Mengumpulkan Harta Sorga

- Kepuasaan hanya ada dalam Kristus - Pengkotbah 5:9
- Harta adalah kehidupan yang menyenangkan hati Tuhan - Mat 6:20

Untuk renungan dan perbincangan:

1. Melalui khotbah minggu ini terdapat dua jenis kelompok, kita sedang berada di mana?
2. Menurut anda, apakah salah jika kita memiliki kekayaan? Mengapa?
3. Dalam Matius 6:19, apa yang dapat anda simpulkan berkenaan dengan harta dunia yang sedang dikumpulkan?
4. Dalam Matius 6:20, apa yang dimaksudkan dengan mengumpulkan harta Sorga?
5. Apakah anda sudah menggunakan harta dan talenta anda untuk pekerjaan Tuhan? kongsikan.

UNTUK DIDOAKAN

Masyarakat yang tercinta

- untuk para pelajar, ibu bapa dan guru yang akan memulakan penggal persekolahan yang baru
- [Persediaan yang mencukupi dan semangat baru dalam pembelajaran]

Gereja kita yang tercinta

- untuk kelompok-kelompok sel dewasa kita
- [agar lebih ramai anggota dapat dilatih untuk memimpin, mengajar dan menggembala]

Diri sendiri

- untuk tempoh ibadah Puasa yang bermakna
- [agar kita belajar untuk berkecukupan dengan apa yang Allah berikan kepada kita]
- berdoa untuk mereka yang dalam kelemahan tubuh, minda atau rohani; dan untuk 5 sahabat kita. Namakan mereka dalam doa anda.